



MAHATHIR ALI

SEORANG pelajar tahun satu, Che Wan Nurul Syafikah membersihkan kasut sekolah selepas rumahnya dilanda banjir sejak dua hari lepas di Taman Seberang Balok, Kuantan semalam.

Banjir di Pahang pulih sepenuhnya

KUANTAN - Keadaan banjir di Pahang telah pulih sepenuhnya selepas 18 mangsa banjir terakhir yang ditempatkan di pusat pemindahan telah dibenarkan pulang pagi semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang

berkata, mereka terdiri daripada empat keluarga dari Kampung Chendor Tengah yang ditempatkan di Balai Raya Chendor.

Sebelum ini lima kawasan penempatan daerah Kuantan terjejas akibat banjir iaitu Taman Seberang Balok, Kampung Ba-

lok, Kampung Bukit Palas, Kampung Nyamuk dan Kampung Chendor Tengah dan mereka mula beransur pulang ke rumah masing-masing tengah hari semalam sebelum mangsa terakhir dibenarkan pulang pagi semalam.